

DVS pantau penggunaan antibiotik

U1187A1
18/3/16

PUTRAJAYA 17 Mac - Persampelan yang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dari tahun 2010 sehingga sekarang mendapati hanya 0.13 peratus atau lima daripada 3,750 sampel makanan ternakan positif an-

tibiotik yang dibenarkan.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, pihaknya sentiasa memantau dan mengawal selia penggunaan

antibiotik dalam makanan haiwan.

Katanya, pengimportan, pembuatan dan penjualan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan yang mengandungi antibiotik bagi tujuan pencegahan penyakit ternakan

adalah di bawah kawal selia menerusi Akta Makanan Haiwan 2009.

"Persampelan ke atas produk hasil ternakan dan makanan ternakan bagi mengesan kehadiran antibiotik dan pengujian adalah sebahagian daripada sistem pemantauan kebangsaan DVS ke atas penggunaan dan penyalahgunaan antibiotik dalam makanan ternakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas gesaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengharamkan penggunaan antibiotik dalam makanan haiwan ternakan yang dikatakan boleh mengancam kesihatan manusia.

Katanya, Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik, Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012 telah pun menyenaraikan antibiotik yang dilarang penggunaannya dalam makanan haiwan.